# LETTER FROM THE CHAIRMAN



**Dear Shareholder,**

I am pleased to present the Annual Report and Financial Statements of AmcorpGroup Berhad (formerly known as Arab-Malaysian Corporation Berhad) or Amcorp, as it will be referred to hereinafter, for the financial year ended 31 March 2006.

For the financial year, we continue to build and leverage on our core competencies and assets to create further value for our shareholders. As a result, there has been significant improvement in the key performance indicators of the Group's core investment and operating units.

**AMMB Holdings Berhad Group,** or more commonly referred to as the **AmBank Group,** contributed a total of RM180.3 million to the Group's share of results of associates for FY2006. The completion of the corporate reorganization programme embarked on in FY2005 proved to be a rewarding step for AmBank Group. The streamlined operations have enabled AmBank Group to gain meaningful market share in all areas of its business activities by offering a comprehensive range of innovative products and quality service, as well as increasing the scale of its already strong franchise in the country.

AmBank Group's pre-tax profit rose 44.2% to RM710.1 million while net profit after tax and minority interests increased 79.2% to RM365.5 million. The balance sheet of AmBank Group has also strengthened as a result of the transformation of its finance company into a full-fledged commercial bank in June 2005 with a nationwide network of 170 branches and 233 ATMs. Total assets increased 16.3% to RM72.3 billion, firmly consolidating AmBank Group's position as the 5th largest banking group in the country. Total customer deposits mobilised rose 13% to RM38.9 billion whilst net loans and advances expanded 11.9% to RM44.9 billion, the first time AmBank Group has achieved double-digit loans growth since the Asian financial crisis.

In addition to the balance sheet growth, AmBank Group's net non-performing loans (NPL) ratio, based on a three-month classification, also registered a sharp decline to 9.6% as at end-March 2006, compared with 13.8% a year ago, mainly due to the various intensified recovery efforts undertaken by AmBank Group.



*Bank Negara Malaysia Governor Y. Bhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz (second from left) launches ABF Malaysia by hitting the gong.*




*Signing ceremony in relation to the issuance of Fixed Rate Medium Term Notes Facility by RCE Capital Berhad.*

**RCE Capital Berhad (RCE)**, another associate of the Group, had another successful year marked by double-digit growth in both top-line and bottom-line figures. RCE's revenue rose 29% to RM57.5 million, while profit after tax increased 31% to RM22.3 million.

RCE continued to focus on growing its business relationships with the various co-operatives to expand its consumer credit business. As a result, its co-operative business partners now have more than 50 distribution channels throughout the country, compared with approximately 40 channels in the previous year.

Besides organic growth, RCE had also undertaken several corporate proposals to further strengthen its position. A total of 156,309,410 bonus shares were issued under its 1 for 3 bonus issue exercise and, after the paid-up capital enlargement, RCE had, on 23 August 2006, successfully transferred its listing status from the Second Board to the Main Board of Bursa Malaysia Securities Berhad. Going forward, RCE will continue to expand its distribution and marketing network while remaining focussed on improving its productivity and efficiency, strengthening its credit risk management and leveraging on its balance sheet strength to reduce the overall cost of funding.

Our IT unit, **MCM Technologies Berhad (MCMTech)** turned around and recorded a net profit of RM0.9 million compared with a net loss of RM1.4 million in FY2005. Apart from priming two major contracts for managed services under the AmBank Group, MCMTech Group was also appointed as one of Telekom Malaysia Berhad's data sales agent for its various telecommunication products including fixed line and wireless services. During the year, MCMTech Group was also appointed as an "Advanced Certified Partner" of Huawei-3Com Co. Ltd., an international organisation specialising in providing a full range of networking products and tailored solutions including routers, switches and network security systems. These new business developments are expected to contribute positively to MCMTech Group's future earnings.

Following the merger of **ECM Libra Berhad (ECMLibra)** with Avenue Capital Resources Berhad to form a new investment bank known as **ECM Libra Avenue Berhad (ECM),** Amcorp's stake in the new ECM entity had been diluted to 4.2% from 8.1%. To offset the effects of this dilution, Amcorp subsequently acquired an additional 3.2% stake in ECM at RM0.65 per share. As a result, Amcorp now has a substantial shareholding of 7.4% in ECM.

With regard to Amcorp's investment in **AMDB Berhad (AMDB)**, several initiatives had been undertaken to improve its financial position. These include the disposal of investments and assets and the implementation of programmes for the rationalisation and re-engineering of its non-profitable operating units. Going forward, AMDB will stay focussed on its long-term strategy for growth and the active pursuit of new business ventures that are synergistic to its existing business units and activities. With effect from April 2006, the Group has also adopted Financial Reporting Standard (FRS) 127 on Consolidated and Separate Financial Statements by consolidating the results and balance sheet of AMDB as a subsidiary of Amcorp in view of the Group's 75.9 million holdings in AMDB's Irredeemable Convertible Unsecured Loan Stock (ICULS). The ICULS, when converted, will increase the Group's stake in AMDB from 44.2% to 53%.

# LETTER FROM THE CHAIRMAN
(Cont'd)

With the final phase of the Amcorp Trade Centre (ATC) in Petaling Jaya fully completed and sold in 2005, our property division's focus has now shifted to the ongoing mixed development project known as Sibujaya Township in Sibu, Sarawak. This new township currently has a combined total of 5,600 completed units of low/ medium cost houses, shophouses, light industrial factories and public amenities. We expect Sibujaya to remain a key revenue contributor for our property division over the next five years. Meanwhile, we are looking at viable options to re-plan and re-launch our cluster bungalow development project, Kayangan Heights, Shah Alam to enhance its earnings potential for the division. For FY2006, turnover from the property division was 63% lower at RM34.9 million. Notwithstanding that, profit contribution from the division stood at RM7.1 million compared with RM2.9 million in FY2005.




*Amcorp Trade Centre, Petaling Jaya*



*Housing project in Sibujaya, Sarawak.*




*The launch of Menara AmBank, headquarters of the newly formed AmBank (M) Berhad.*

As a result of the lower turnover from our property division for FY2006, the Group's revenue decreased 35.6% to RM85.3 million. The Group also reported a loss before tax of RM9.9 million for FY2006 compared with a profit before tax of RM59.2 million in the previous year. The significant decline was mainly due to the allowance for diminution in value of long-term and short-term investments of RM54.1 million, higher finance costs and the Group's share of losses in AMDB. For the current financial year, our share of losses in AMDB was RM77.8 million (2005: share of profit of RM0.4 million) arising from allowance in value impairment and write-down in respect of assets and inventories from their Property and Travel & Leisure Divisions. This impairment in assets by AMDB was a one-off exercise made after assessing available information for indication of impairment and is in compliance with Financial Reporting Standards.

As you may be aware, I am offering to acquire Amcorp shares at a price of RM1.40 per share, to take Amcorp private. The offer price represents a premium of 35% on the 5-day weighted average market price of Amcorp shares prior to the announcement of the proposed privatisation exercise on 17 January 2006. The proposed exercise will provide shareholders with the opportunity to realise their investment in Amcorp, as the price has not come close to the RM1.40 mark in the last 18 months.

Barring unforeseen circumstances, I expect to complete this privatisation exercise by the end of 2006. Post privatisation, Amcorp's listing status on the Main Board of Bursa Malaysia Securities Berhad would be removed as it would not have the required public shareholding spread for listing.

I wish to welcome Y. Bhg. Dato' Che Md. Nawawi bin Ismail who joined the Board in February 2006. With his wealth of experience, I am confident that he will provide invaluable support to the Group.

I would like to thank all our business partners, shareholders and the relevant authorities for your continuing support, without which our progress over the years would not have been possible.

I would also like to thank my fellow Directors and all employees of Amcorp for their invaluable contribution and commitment to the Group.

**Tan Sri Dato' Azman Hashim**
Executive Chairman

September 1, 2006

# SURAT DARIPADA PENGERUSI



**Kepada**
**Pemegang Saham,**

Saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan AmcorpGroup Berhad (dahulunya dikenali sebagai Arab-Malaysian Corporation Berhad) atau Amcorp, sebagaimana ia akan dirujuk selepas daripada ini, bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2006.

Bagi tahun kewangan, kami terus membina dan menuil pada teras kekompetenan dan aset-aset teras kami untuk terus membentuk nilai selanjutnya bagi pemegang-pemegang saham kami. Akibat daripadanya terdapat peningkatan ketara dalam petunjuk prestasi penting unit pelaburan dan kendalian teras Kumpulan.

**Kumpulan AMMB Holdings Berhad,** atau lebih biasa dirujuk sebagai **Kumpulan AmBank,** menyumbang sejumlah RM180.3 juta kepada bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan bagi FY2006. Penyelesaiaan program penyusunan semula korporat dimulakan pada FY2005 terbukti menjadi langkah menguntungkan bagi Kumpulan AmBank. Operasi yang diperkemas membolehkan Kumpulan AmBank untuk memperolehi bahagian pasaran yang agak besar dalam semua bidang aktiviti perniagaannya dengan menawarkan secara komprehensif beraneka produk inovatif dan perkhidmatan berkualiti, serta meningkatkan skala francaisnya yang sudah pun kukuh di negara ini.

Keuntungan sebelum cukai Kumpulan AmBank meningkat 44.2% kepada RM710.1 juta manakala keuntungan bersih selepas cukai dan kepentingan minoriti meningkat 79.2% kepada RM365.5 juta. Kunci kira-kira Kumpulan Ambank juga semakin kukuh kesan daripada transformasi syarikat kewangannya kepada sebuah bank komersil sepenuhnya pada bulan Jun 2005 dengan rangkaian sebanyak 170 cawangan dan 233 ATM di seluruh negara. Jumlah aset telah meningkat 16.3% kepada RM72.3 bilion, mengukuhkan kedudukan Kumpulan Ambank sebagai kumpulan perbankan ke-5 terbesar di negara ini. Jumlah keseluruhan deposit pelanggan yang diperolehi meningkat 13% kepada RM38.9 bilion manakala pinjaman dan pendahuluan bersih meningkat 11.9% kepada RM44.9 bilion, kali pertama Kumpulan Ambank mencapai pertumbuhan pinjaman sebanyak dua digit semenjak krisis kewangan Asia.

Selain daripada pertumbuhan kunci kira-kira, nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih Kumpulan Ambank, berdasarkan klasifikasi 3 bulan, turut mencatatkan kemerosotan mendadak kepada 9.6% pada penghujung bulan Mac 2006, berbanding dengan 13.8% setahun yang lepas, terutamanya disebabkan oleh pelbagai usaha pemulihan yang giat dijalankan oleh Kumpulan Ambank.




*Tan Sri Dato' Azman Hashim di Majlis Pelancaran Prospektus oleh AmInvestment Group sehubungan dengan penyenaraiannya pada Papan Utama Bursa Securities.*

**RCE Capital Berhad (RCE)**, sebuah lagi Syarikat Bersekutu Kumpulan, telah memperolehi satu lagi tahun yang berjaya yang mencatat pertumbuhan sebanyak 2 digit dalam kedua-dua angka jumlah dagangan dan keuntungan. Hasil RCE meningkat 29% kepada RM57.5 juta, manakala keuntungan selepas cukai meningkat 31% kepada RM22.3 juta.

RCE secara berterusan menfokuskan kepada mengembangkan perhubungan perniagaannya dengan pelbagai koperasi untuk mengembangkan perniagaan kredit penggunanya. Akibatnya, rakan-rakan perniagaan koperasi kini mempunyai lebih daripada 50 saluran pengedaran di seluruh negara, berbanding dengan kira-kira 40 saluran pada tahun sebelumnya.

Selain daripada pertumbuhan organik, RCE juga telah melaksanakan beberapa cadangan korporat untuk mengukuhkan lagi kedudukannya. Sejumlah 156,309,410 saham bonus telah diterbitkan di bawah langkah terbitan bonusnya 1 untuk 3 dan, selepas pembesaran modal berbayar tersebut, RCE telah, pada 23 Ogos 2006, berjaya memindahkan status penyenaraiannya daripada Papan Kedua kepada Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Maju ke hadapan, RCE akan terus mengembangkan rangkaian pengedaran dan pemasarannya manakala masih menfokuskan kepada mempertingkatkan produktiviti dan kecekapannya, mengukuhkan pengurusan risiko kreditnya dan menuil ke atas kekuatan kunci kira-kiranya untuk mengurangkan kos pendanaan keseluruhan.

Unit IT kami, **MCM Technologies Berhad (MCMTech)** pula telah pulih dan mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM0.9 juta berbanding dengan kerugian bersih sebanyak RM1.4 juta pada FY2005. Selain memperoleh dua kontrak besar bagi perkhidmatan terurus di bawah Kumpulan Ambank, Kumpulan MCMTech juga telah dilantik sebagai salah satu daripada ejen penjualan data Telekom Malaysia Berhad bagi pelbagai produk telekomunikasinya termasuk talian tetap dan perkhidmatan wayarles. Sepanjang tahun di bawah kajian, Kumpulan MCMTech juga telah dilantik sebagai *"Advanced Certified Partner"* Huawei-3Com Co. Ltd., sebuah organisasi antarabangsa yang mengkhusus dalam membekalkan pelbagai produk perangkaian dan penyelesaian yang direka khusus yang termasuk penghala, suis dan sistem keselamatan rangkaian. Pembangunan perniagaan baru ini dijangka akan menyumbang secara positif kepada pendapatan Kumpulan MCMTech di masa hadapan.

Berikutan penggabungan **ECM Libra Berhad (ECMLibra)** dengan Avenue Capital Resources Berhad untuk menubuh sebuah bank pelaburan baru yang dikenali sebagai **ECM Libra Avenue Berhad (ECM),** kepentingan Amcorp dalam entiti baru ECM ini telah dicairkan kepada 4.2% daripada 8.1%. Untuk mengurangkan kesan pencairan ini, Amcorp kemudiannya telah membeli tambahan 3.2% kepentingan dalam ECM pada RM0.65 sesaham. Akibatnya, Amcorp kini memiliki pemegangan saham yang cukup besar sebanyak 7.4% dalam ECM.

Berhubung dengan pelaburan Amcorp dalam **AMDB Berhad (AMDB)**, beberapa initiatif telah dilaksanakan untuk memperbaiki kedudukan kewangannya. Ini termasuk pelupusan pelaburan dan aset dan pelaksanaan program-program bagi perasionalan dan pengaturan semula unit-unit beroperasinya yang tidak mendatangkan keuntungan. Maju ke hadapan, AMDB akan kekal menfokus kepada strategi jangka panjangnya bagi pertumbuhan dan pencarian aktif usaha niaga perniagaan baru yang sinergistik kepada unit-unit perniagaan dan aktiviti sedia ada. Berkuatkuasa mulai bulan April 2006, Kumpulan juga telah menggunakan Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS) 127 ke atas Penyata-penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan dengan menyatukan keputusan dan kunci kira-kira AMDB sebagai anak syarikat Amcorp memandangkan pegangan Kumpulan sebanyak 75.9 juta dalam Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus *(ICULS)* AMDB. ICULS ini, apabila ditukarkan, akan meningkatkan kepentingan Kumpulan dalam AMDB daripada 44.2% kepada 53%.

# SURAT DARIPADA PENGERUSI

(Samb)

Dengan fasa terakhir Pusat Dagangan Amcorp (ATC) di Petaling Jaya siap sepenuhnya dan dijual pada tahun 2005, fokus Bahagian harta tanah kami kini telah beralih kepada projek pembangunan bercampur yang sedang berlangsung yang dikenali sebagai Perbandaran Sibujaya di Sibu, Sarawak. Perbandaran baru ini kini mempunyai jumlah gabungan 5,600 unit siap rumah kos rendah/sederhana, rumah kedai, kilang perindustrian ringan dan kemudahan awam. Kami menjangka Sibujaya akan kekal sebagai satu penyumbang hasil penting bagi bahagian harta kami sepanjang lima tahun akan datang. Sementara itu, kami juga sedang mencari opsyen yang berdaya maju untuk merancang dan melancar semula projek banglo kelompok kami, Kayangan Heights, Shah Alam bagi meningkatkan potensi pendapatannya bagi bahagian ini. Bagi FY2006, jumlah dagangan daripada bahagian harta tanah adalah 63% lebih rendah pada RM34.9 juta. Meskipun begitu, sumbangan keuntungan daripada bahagian tersebut berada pada RM7.1 juta berbanding dengan RM2.9 juta pada FY2005.




*Pelbagai acara promosi dan pertunjukan perayaan di Amcorp Mall, Petaling Jaya.*



Projek pembangunan perumahan di Sibujaya, Sarawak.



Pertunjukan tarian singa di ibu pejabat baru Amcorp bersempena perayaan Tahun Baru Cina.

Akibatnya daripada jumlah dagangan rendah bahagian harta tanah kami bagi FY2006 hasil Kumpulan merosot sebanyak 35.6% kepada RM85.3 juta. Kumpulan juga mencatat kerugian sebelum cukai sebanyak RM9.9 juta bagi FY2006 berbanding dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM59.2 juta pada tahun sebelumnya. Kemerosotan ketara ini terutamanya disebabkan oleh peruntukan pengurangan nilai dalam pelaburan-pelaburan jangka panjang dan jangka pendek sebanyak RM54.1 juta, kos kewangan yang lebih tinggi dan bahagian kerugian Kumpulan dalam AMDB. Bagi tahun kewangan semasa, bahagian kerugian kami dalam AMDB adalah sebanyak RM77.8 juta (2005: bahagian keuntungan sebanyak RM0.4 juta) timbul daripada peruntukan dalam kerosotan nilai dan pengurangan kira berhubung dengan aset-aset dan inventori daripada Bahagian Harta dan Pelancongan & Percutian mereka. Kerosotan dalam aset oleh AMDB adalah langkah sesekali yang dibuat selepas menilai maklumat yang ada bagi tanda-tanda kerosotan dan adalah mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan.

Sebagaimana yang anda mungkin sedia maklum, saya menawarkan untuk mengambil alih saham-saham Amcorp pada harga RM1.40 sesaham, untuk menjadikan Amcorp sebuah syarikat persendirian. Harga tawaran tersebut mewakili premium sebanyak 35% ke atas purata wajaran harga pasaran 5 hari saham-saham Amcorp sebelum pengumuman cadangan langkah penswastaan pada 17 Januari 2006. Langkah yang dicadangkan ini akan memberikan pemegang-pemegang saham peluang untuk merealisasikan pelaburan mereka di dalam Amcorp, memandangkan sepanjang 18 bulan kebelakangan ini harga tidak menghampiri takat RM1.40.

Tanpa mengambil kira perkara-perkara yang diluar jangkaan, saya menjangka akan menyelesaikan langkah penswastaan ini menjelang akhir tahun 2006. Selepas penswastaan, status penyenaraian Amcorp pada Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad akan dibatalkan kerana ia tidak akan memiliki tebaran pemegangan saham awam yang diperlukan bagi penyenaraian.

Saya ingin mengalu-alukan Y. Bhg. Dato' Che Md. Nawawi bin Ismail yang menganggotai Lembaga pada bulan Februari 2006. Dengan pengalamannya yang begitu banyak, saya yakin bahawa beliau akan memberikan sokongan yang tidak ternilai kepada Kumpulan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan perniagaan kami, pemegang saham dan pihak berkuasa berkaitan atas sokongan berterusan anda, tanpa yang mana kemajuan kami selama ini tidak mungkin dicapai.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Pengarah saya dan semua kakitangan Amcorp atas sumbangan mereka yang tidak ternilai dan komitmen mereka kepada Kumpulan.



**Tan Sri Dato' Azman Hashim**
Pengerusi Eksekutif

September 1, 2006